



<http://www.mpkbri.gov.my>

[f majlisperbandarankotabharubandarrayaislam](https://www.facebook.com/majlisperbandarankotabharubandarrayaislam)

[mpkbri](https://www.instagram.com/mpkbri)



**PROGRAM RIADAH & GOTONG ROYONG
TAMAN PERBANDARAN TENGGU ANIS**



**PROGRAM KAYUHAN TAN SRI DATO' SERI
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

BULETIN MPKB-BRI



SIDANG REDAKSI

Penaung

YABrs Tuan Rosnazli Bin Haji Amin
(Yang Dipertua, MPKB-BRI)

Penasihat

YBhg. En Ruzely Bin Abdullah
(Pengerusi Jawatankuasa Penerangan,
Perpaduan Kaum dan Pelancongan,
MPKB-BRI)

Ketua Pengarang

YBrs. En. Mohd Shaifudeen Bin Md Salleh
(Setiausaha, MPKB-BRI)

Pengarang

YBrs Haji Azman Bin Mohd Daham
(Pegarah Pengurusan Korporat)

YBrs Norliza Binti Razali
(Penolong Pengarah Pembangunan
Korporat)

YBrs Nurfatim Binti Azizan
(Penolong Pegawai Tadbir)

Editor dan Fotografi

YBrs Muhd Asyraf Bin Mad Rozali
(Pembantu Tadbir)



*" Setinggi Mana Kita Lompat,
Pasti Kita Turun Mendarat
Setinggi Mana Kita Berpangkat
Disisi ALLAH Sama Darjat "*

HAK CIPTA TERPELIHARA

JABATAN PENGURUSAN KORPORAT
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU
BANDAR RAYA ISLAM

UCAPAN ALUAN YDP MPKB-BRI

Syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan inayah dan kurnianya Buletin PDF edisi kelima bagi tahun 2022 telah berjaya diterbitkan. Ini merupakan hasil kerjasama dan semangat serta komitmen yang tinggi sidang redaksi majlis dalam menerbitkan Buletin PDF. Paparan dalam buletin pdf ini menjurus kepada semua aktiviti yang telah berlangsung pada setiap setiap bulan.

Objektif Buletin PDF adalah sebagai sebuah wadah untuk satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang pelbagai aktiviti sepanjang tahun.

Diharapkan penerbitan Buletin PDF ini menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada penyelaras Buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan.

Tahniah sekali lagi kepada sidang editor Buletin PDF pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Terima kasih kepada semua warga Kota Bharu.

Salam Hormat,
(YABrs Tuan Rosnazli Bin Haji Amin)
Yang Dipertua MPKB-BRI

AUDIT PENILAI EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) DIY NEGERI KELANTAN.



13 & 14 JULAI 2022, KOTA BHARU - Sesi Audit Penilai Ekosistem Kondusif Sektor Awam (Eksa) Diy Negeri Kelantan telah berlangsung pada 13 & 14 Julai 2022 yang lalu di Mpkb-Bri.

Majlis telah disempurnakan oleh YABrs. Tuan Yang Dipertua Mpkb-Bri. Seramai 13 orang panel Auditer dari SUK di ketuai oleh Puan Siti Fatimah Binti Mohd Noor.



Amalan EKSA menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti kerja, perkhidmatan dan produktiviti melalui persekitaran kerja yang mesra, bersih, sihat, kondusif dan selamat.

PROGRAM RIADAH & GOTONG ROYONG TAMAN PERBANDARAN TENGGU ANIS



18 JULAI 2022, KOTA BHARU - Pada 18 Julai 2022, telah berlangsungnya Program Riadah dan Gotong Royong warga Kerja Mpkb-Bri & Puspanita Bahagian Mpkb-Bri bagi membersihkan serta mengecat komponen-komponen di Taman Perbandaran Tengku Anis.

Program ini diadakan dengan kerjasama warga kerja Mpkb-Bri bersama-sama ahli-ahli Puspanita Mpkb-Bri bagi memastikan keadaan taman sentiasa dalam keadaan bersih, indah dan ceria.

Pihak Majlis juga berharap agar masyarakat yang menggunakan taman ini sentiasa peka dan memberi kerjasama bagi sama-sama menjaga kebersihan dan keindahan di taman ini.





**AKTIVITI RIADAH & GOTONG ROYONG
TAMAN PERBANDARAN TENGKU ANIS**





KURSUS PENJANAAN IDEA DAN PENGHASILAN DOKUMENTASI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM TAHUN 2022.



19 JULAI 2022, KOTA BHARU - Majlis Perasmian Penutup Kursus Penjanaaan Idea & Penghasilan Dokumentasi Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam telah disempurnakan oleh YBrs Tuan Setiausaha Mpkb-Bri. Kursus ini telah diadakan di Dewan Dato' Muhammad Daud Al Iraqi, Kubang Kerian.

Tujuan kursus ini di adakan bagi memastikan pembudayaan inovasi di Majlis selari dengan keperluan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam. Kursus ini merupakan persediaan awal untuk Jabatan/Bahagian Majlis bagi menyertai pertandingan KIK di Peringkat Majlis, peringkat Negeri Kelantan seterusnya peringkat Kebangsaan untuk bersaing dengan PBT di seluruh Malaysia.



Tujuan kursus ini di adakan bagi memastikan pembudayaan inovasi di Majlis selari dengan keperluan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam. Kursus ini merupakan persediaan awal untuk Jabatan/Bahagian Majlis bagi menyertai pertandingan KIK di Peringkat Majlis, peringkat Negeri Kelantan seterusnya peringkat Kebangsaan untuk bersaing dengan PBT di seluruh Malaysia.

Kursus ini juga dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti Majlis sekaligus meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan yang memfokuskan kepada outcome, impak dan potensi pengembangan projek bagi tujuan replikasi, pengkomersialan dan penyertaan dalam pertandingan.





PROGRAM KAYUHAN TAN SRI DATO' SERI KETUA SETIAUSAHA NEGARA DAN YB DATO' KAYA SETIA BERSAMA PENJAWAT AWAM KELANTAN SEMPERNA JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA



24 JULAI 2022, KOTA BHARU – Kayuhan Penjawat Awam Bersama YBhg Tan Sri Dato' Seri Ketua Setiausaha Negara dan YB Dato' Kaya Setia, Setiausaha Kerajaan Kelantan tadi telah disertai oleh lebih 250 orang ketua-ketua jabatan dari pelbagai peringkat negeri dan persekutuan sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia.



Majlis pelepasan Program Kayuhan Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dan YB Dato' Kaya Setia tersebut yang melibatkan peserta seramai hampir 300 orang itu telah disempurnakan oleh YB Ustaz Wan Roslan Wan Hamat, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan NGO Negeri Kelantan.



Kayuhan sejauh 12km yang bermula jam 8.15 pagi dari Dataran Rehal telah melalui jalan PCB dan berhenti rehat di Pit Stop River Gate Kampung Tikat dan perjalanan disambung semula pada jam 9.30 pagi ke Kampung Kedai Buloh dan tiba di lokasi penamat di Pantai Kundor.



Lokasi Penamat setelah 12 KM kayuhan itu dipilih ialah Pantai Kundor yang di bawah seliaan MPKB-BRI ternyata telah menjadi satu destinasi pilihan baharu untuk bersantai sambil menikmati keindahan deretan pokok Rhu yang seakan Pulau Nami di Korea Selatan.

Majlis penutup Kayuhan Ukhawah tersebut seterusnya diakhiri dengan persembahan kebudayaan, cabutan bertuah dan jamuan makan tengah hari bersama Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara dan YB Dato' Kaya Setia, Dato' Haji Nazran bin Muhammad.



PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) PEMBERSIHAN & PENGINDAHAN PANTAI KUNDUR DI KOTA BHARU, KELANTAN



PROGRAM CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) PEMBERSIHAN & PENGINDAHAN PANTAI KUNDUR DI KOTA BHARU, KELANTAN

27 JULAI 2022, KOTA BHARU – Program ini merupakan program kolaborasi Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dengan PLANMALAYSIA. Majlis dirasmikan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Izani Bin Husin, Exco Kerajaan Tempatan Perumahan dan Kesihatan Negeri Kelantan. Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan memberikan sumbangan sebanyak 50 pokok rhu atau nama saintifiknya casuarina equisetifolia selaras dengan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bermula tahun 2021-2025.

Program ini turut dihadiri oleh YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Plan Malaysia, TPr. Tuan Haji Hassan Bin Haji Yaakob, Tuan Setiausaha MPKB-BRI iaitu Encik Mohd Shaifudeen Bin Md Salleh serta Ahli-Ahli Majlis MPKB-BRI. Program ini turut melibatkan pegawai-pegawai OSC seluruh PBT Semenanjung Malaysia yang bergotong royong membersihkan Pantai Kundur.



Pada majlis ini juga pihak PLANMalaysia telah menyerahkan mock cek berjumlah RM400,000.00 dibawah Program Bandar Selamat. Tujuan utama program CSR ini dapat mendorong semangat sukarelawan di dalam melaksanakan kerja-kerja amal dan memupuk kerjasama serta mengeratkan hubungan baik di antara Pegawai OSC Semenanjung Malaysia dan pegawai perancang di PBT dan Negeri Kelantan.



Diatas inisiatif Unit Pusat Setempat (OSC) MPKB-BRI satu tabung diwujudkan bagi kutipan sumbangan penyediaan photo booth di Pantai Kundur yang dibiayai melalui sumbangan ikhlas daripada Pengurusan Tertinggi PLANMalaysia dan semua Pegawai-pegawai OSC di Semenanjung Malaysia dan juga Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam.

